



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN SARAAN  
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE  
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2  
63000 CYBERJAYA, SEPANG  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel. : 03-83164000  
Faks : 03-83201984/03-83201981  
03-83201980/03-83201979/03-83201985  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA.SARAAN(S) 187/20 Jld. 10 **24**

Tarikh : **19** Disember 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datin Paduka/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**PENGECUALIAN PEMBAYARAN MENGGUNAKAN PESANAN KERAJAAN BAGI KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, peraturan pemberian Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada di Luar Negara Atas Urusan Persendirian dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004. Manakala Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012 menjelaskan bahawa Kerajaan telah melantik syarikat HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 23 Ogos 2012 hingga 22 Ogos 2015.

3. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memudahkan urusan pentadbiran di semua kementerian/ jabatan, maka Kementerian Kewangan telah **bersetuju memberi pengecualian** daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan untuk pembayaran kepada syarikat penanggung insurans bagi mendapatkan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian. Bayaran kemudahan perlindungan insurans kesihatan ini boleh dibuat berdasarkan invois daripada HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.


...2/-

4. Pelaksanaan pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2014**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD )**

Pengarah Bahagian Saraan

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

☎ : 03-83164001

✉ : zaedah@jpa.gov.my